

17 OCT 2000

MAHATHIR-FDI

KERAJAAN BENARKAN LEBIH BANYAK FDI DLM SEKTOR PELABUHAN DAN PENERBANGAN

PETALING JAYA, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan membenarkan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dalam syarikat pelabuhan dan penerbangan tempatan kerana penting untuk mendapatkan kerjasama strategik seperti itu, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian sebagai menjawab satu soalan ketika persidangan media di sini, hari ini, mengenai sama ada Belanjawan 2001 yang akan dibentangkan tidak lama lagi akan mengandungi langkah seumpama itu.

"Kita tidak membenarkan orang ramai hanya pergi untuk melabur. Seperti dana pencen, mereka hanya melabur dan tidak membawa apa-apa kecuali wang.

"Apa yang kita mahu lihat adalah pelabur dengan kepakaran, pasaran atau perkhidmatan tertentu yang akan menyumbang ke arah prestasi kemudahan kita menerusi pelaburan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dalam persidangan K-ekonomi yang dianjurkan oleh Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA.

Apabila ditanya sama ada terdapat lebih banyak insentif untuk menarik FDI dalam bahagian pelabuhan dan penerbangan, Dr Mahathir berpendapat ia tidak perlu dilakukan.

Beliau menjelaskan bahawa keputusan pelaburan itu tidak dibuat keseluruhannya disebabkan oleh insentif, kerana pihak yang lain juga boleh menawarkan bentuk insentif yang sama.

Keputusan perniagaan dibuat berasaskan kepada suasana politik dan kestabilan sesebuah negara serta pengurusan dan pertumbuhan ekonomi negara, katanya.

Mengenai sama ada "cukai dosa" akan dikenakan ke atas industri tembakau, Dr Mahathir berkata ia adalah satu "rahsia sulit."

Malahan menteri kabinet juga tidak dimaklumkan mengenai perkara itu, katanya.

Beliau berkata secara keseluruhannya industri tembakau merasa bimbang terhadap belanjawan itu kerana terdapat cukai-cukai baru yang akan diperkenalkan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menyatakan industri tembakau boleh terus bertahan walaupun dengan pengenalan cukai-cukai baru itu dan membuat banyak keuntungan.

Mengenai teras Belanjawan 2001, Perdana Menteri berkata: "Kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan belanjawan yang baik yang akan merangsangkan ekonomi."

Apabila ditanya sama ada Belanjawan 2001 disasarkan untuk menarik lebih banyak FDI secara umumnya, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menarik FDI berbeza dengan dakwaan oleh sesetengah pihak bahawa negara-negara lain menawarkan insentif yang lebih baik.

Negara mempunyai banyak kelebihan yang membuatkan pelabur-pelabur asing merasakan Malaysia adalah satu pertaruhan yang baik, katanya.

Apabila ditanya sama ada belanjawan tersebut akan mengandungi langkah-langkah baru untuk merangsangkan penggunaan domestik, Dr Mahathir berkata ia sudahpun dilaksanakan dengan langkah kerajaan meningkatkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10 peratus.

Dan mengenai sama ada cukai korporat akan dikurangkan, beliau berkata kerajaan telah berjanji akan menurunkan cukai korporat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir enggan menyatakan sama ada langkah ini akan diumumkan dalam Belanjawan 2001.

Mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata kerajaan mahu memperharui keseluruhan kurikulum pendidikan tetapi menghadapi masalah daripada segi dana.

"Kita tidak mempunyai dana mencukupi untuk menukar semua sekolah menjadi sekolah pintar tetapi kerajaan berhasrat untuk melaksanakannya," tambahnya.

Beliau berkata program sekolah pintar akan bermula dengan satu kumpulan sekolah pada peringkat awalnya untuk mendapat pengalaman terlebih dahulu sebelum program itu dikembangkan ke semua sekolah. -- BERNAMA

MAD MFJ FR ZK